

Program Khidmat Masyarakat SSMP 2013 di Kg. Kokol, Menggatal

Mohd. Nazri Abdul Rahman dan PMSSMP



Tahun 2013, sekali lagi Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) berjaya menganjurkan Program Khidmat Masyarakat yang bertempat di Dewan Tertutup dan SK Kokol, Kg. Kokol, Menggatal. Program ini telah berlangsung dari 12 hingga 13 Oktober 2013, yang melibatkan aktiviti di hujung minggu, Sabtu dan Ahad. Program kemasyarakatan ini merupakan penglibatan bersama siswa/i SSMP dengan anggota kesihatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) termasuklah Perubatan dan Pergigian.

Objektif utama program ini adalah untuk membantu meningkatkan taraf kesihatan, kebajikan dan juga pendidikan dalam kalangan penduduk kampung melalui aktiviti pemeriksaan kesihatan secara percuma, rawatan dan nasihat yang melibatkan permasalahan penyakit, penjagaan kesihatan serta pemakanan. Program ini melalui tema ‘Kesihatan Masyarakat, Tanggungjawab Bersama’ telah meletakkan peranan universiti serta pelajar-pelajar universiti untuk sama-sama terlibat dalam kempen kesihatan awam.

Di antara aktiviti yang dijalankan adalah sketsa dan ceramah, aktiviti riadah seperti *Mambo Jambo*, *Chicken Dance*, dan *London Bridge*, senamrobik, bengkel 3R, kerjaya, kitar semula, anti-merokok, penjagaan kebersihan tangan dan mulut, penilaian pemakanan serta program anak serta adik

angkat. Program anak angkat diadakan di rumah penduduk kampung manakala program adik angkat diadakan di Dewan Tertutup Kampung Kokol. Seramai 30 orang AJK telah terpilih ke program anak angkat dan 17 orang lagi dipilih ke program adik angkat. Seramai 3 orang AJK dibahagikan kepada sepasang ibu-bapa angkat. Terdapat 10 pasangan ibu-bapa angkat yang terdiri daripada penduduk Kampung Kokol. Manakala, program adik angkat dijayakan oleh 50 orang peserta dari kalangan anak-anak penduduk kampung yang berumur di antara 6-20 tahun. Program ini menggunakan pendekatan aktiviti dalam kumpulan (ADK) bagi memudahkan kefahaman berkenaan sumber makanan dan kesan kelebihan dan kekurangan makronutrien dan mikronutrien dalam diet sehari-hari.

Pada masa yang sama, pasukan kesihatan dari JKNS telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan gigi yang melibatkan pemeriksaan tekanan darah, paras glukosa dalam darah serta pengukuran Jisim Indeks Tubuh (IJT). Program ini juga telah dihadiri oleh Dekan SSMP Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani, Timbalan Dekan SSMP Dr. Mohd Rosni Sulaiman, Puan Ramlah George @ Mohd Rosli selaku Penasihat Program, Dr. Siew Chee Kiong, Dr Yasmin Ooi Beng Houi, Guru Besar SK Kokol, Ketua Kampung Kokol, serta Pengurus JKKA Kampung Kokol.

